



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---|----|
| - Pelawak Rama rancang program masakan | 24 |
| - Penduduk tuntutan janji | 24 |
| - Penduduk Taman Saga sertai Pertandingan Kibar Jalur Gemilang MPAJ | 24 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 25 SEPTEMBER 2018 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pelawak Rama rancang program masakan
Muka Surat	24



RAMA st 25/9/2018
11/6 24

Pelawak Rama rancang program masakan

AMPANG – Pelakon dan pelawak era 90-an, Rama sedang mencari peserta daripada komuniti India yang berminat menyertai rancangan program masakan bersama Chef Kamal.

Rama berkata, cetusan idea rancangan itu adalah hasil pertemuan beliau dengan chef berkenaan.

“Dalam rancangan ini, peserta berpeluang belajar memasak masakan tradisional dan moden, mereka dapat meningkatkan kualiti masakan serta menjamin kesihatan yang baik,” katanya.

Menurutnya, seramai 30 hingga 50 peserta dicari untuk peluang belajar menyediakan pelbagai jenis masakan termasuk vegetarian.

“Pada penghujung program, peserta akan berentap dalam tiga peringkat iaitu separuh akhir, akhir dan ‘grand finale’. Semua peserta akan diberikan sijil dan barangan dapur elektrik. Pelbagai hadiah menarik disediakan kepada pemenang,” katanya.

“Jika program ini berjaya, kita akan menjalankan pertandingan yang lebih mencabar dan terbuka untuk kaum lain pula,” katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Penduduk tuntutan janji
Muka Surat	24

Penduduk tuntutan janji

SM m/s 24 25/9/2018

**Tidak mahu Jalan
UB2A jadi laluan
utama**

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Penduduk Taman Ukay Bistari, di sini, membantah penggunaan Jalan UB2A sebagai laluan utama keluar dan masuk ke kondominium berhampiran.

Pengerusi Persatuan Penduduknya, Ghazali Mohamad mendakwa, pengguna jalan di kawasan perumahan itu akan meningkat dan sesak jika pemaju menggunakan Jalan UB2A sebagai jalan utama.

"Kita khuatir faktor keselamatan, di taman perumahan ini," katanya.

Ghazali berkata, penduduk membantah sejak dua tahun lalu.

dan mengadakan beberapa perjumpaan bersama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).



Penduduk membantah kerana tidak mahu kawasan kediaman mereka sesak.

"Kami dikejutkan dengan surat yang disampaikan oleh pemaju, Sabtu lalu memaklumkan mendapat kebenaran MPAJ dan merobohkan penghadang," katanya.

Sementara itu seorang penduduk Tan Kheng Kee, 43, berkata, penduduk terpaksa menempuh kesesakan jalan setiap pagi.

Jika benar, jumlah kenderaan

yang akan melalui taman perumahan kami pasti meningkat," katanya.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, pemaju perlu merobohkan penghadang tersebut mengikut syarat kelulusan infrastruktur MPAJ.

"Pemaju juga telah memohon untuk melaksanakan pembinaan

jalan melalui 'ramp' bagi laluan keluar masuk ke pangsapuri berhampiran.

"Perkara ini terdapat dalam pelan kelulusan infrastruktur MPAJ. Kita akan kekal dengan keputusan membenarkan pemaju membina 'ramp' tersebut," katanya.

Dalam perkembangan sama, Adun Hulu Kelang, Saari Sungib berkata, kerja perobohan penghadang dihentikan serta-merta sehingga perbincangan bersama MPAJ dan pemaju dimuktamadkan.

Menurutnya, bantahan berasas kerana jalan sempit dan tidak memenuhi syarat. Saya minta MPAJ tulis surat untuk jelaskan isu ini," katanya.

Menurutnya, pemaju perlu menyediakan jalan alternatif ke tapak projek pangsapuri itu.

"Saya anggap isu bantahan ini selesai dan saya juga akan memastikan laluan ke Jalan UB2A tidak akan digunakan kerana faktor keselamatan kecuali ada pelebaran jalan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
25 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Penduduk Taman Saga sertai Pertandingan Kibar Jalur Gemilang MPAJ
Muka Surat	24

Penduduk Taman Saga sertai Pertandingan Kibar Jalur Gemilang MPAJ

SH mis 24 28/9/2018



Abdul Razak (dua kiri) bersama penduduk bergambar di replika Tugu Negara

TERATAI - Penduduk Taman Saga di sini mengambil inisiatif membina replika Tugu Negara dan Bunga Raya sempena pertandingan Kibar Jalur Gemilang Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Taman Saga, Abdul Razak A Rahman berkata, pihaknya juga mahu menyemai semangat kemerdekaan sepanjang masa agar penduduk menghargai pengorbanan perjuangan pasukan keselamatan yang mempertahankan tanah air.

"Kita turut memaparkan Rukun

Negara pada papan tanda serta lukisan bunga raya. Penduduk berjaya menyiapkan replika ini dalam tempoh dua minggu," katanya.

Abdul Razak berkata, pihaknya mahu memupuk perpaduan dalam kalangan pelbagai bangsa di kawasan perumahan ini.

"Sebanyak 1,494 Jalur Gemilang dipasang, manakala sebanyak 189 rumah yang menjayakan pertandingan ini turut mengibarkan sebanyak 755 Jalur Gemilang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, kempen kibar-

kan Jalur Gemilang ini bukan hanya mengibarkan sehelai kain rentang semata-mata tetapi masyarakat perlu berbangga kerana dapat berbuat demikian.

"Kita juga harus mendidik generasi muda mengenali pemimpin dan individu yang banyak berjuang demi kemerdekaan negara," katanya.

KRT Taman Saga menjuarai pertandingan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor pada 2016.